

Projek menambak giat dijalankan

PENGERUSI Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) Tambak Jawa, Salleh Saring berkata, kerja menambak ban di kawasan pantai masih giat dijalankan sejak Oktober lalu.

“Sebelum ini JKKP ada bangkitkan mengenai isu ban rendah di Jalan Kolam Pancing yang boleh menyebabkan air laut melimpah ketika fenomena air pasang sejak September lalu.

“Masa September dulu yang teruk sebab kena banyak rumah di Bagan Sungai Janggut dan empat

rumah di Kampung Tambak Jawa...lagipun dua kampung ni sebelah saja.

“Ban yang dulunya setinggi lima meter jadi rendah tak sampai tiga meter disebabkan hakisan pantai dan air laut mudah melimpah masuk ke dalam kebun kelapa sawit ketika air pasang,” katanya.

Menurutnya, dalam kejadian itu juga semua pokok mati kerana ditenggelami air ma-



SALLEH

sin, malah empat rumah kampung yang jarak tak sampai 300 meter dari pantai turut terjejas apabila air naik paras betis.

“Sebab itu penduduk harap kerja tambak ban dapat disegerakan sebab kebun orang kampung yang dekat dengan pantai habis tenggelam...lagipun jarak tak sampai 200 meter,” katanya.



Rumah penduduk ditenggelami air, semalam.